# Nasib 300 nelayan masih samar

sinar Harian 16/3/2021 m/s 26

## Pertemuan dengan wakil pengurusan, KMB gagal capai kata sepakat

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

ISU JETI TANJUNG BRUAS

Lebih 300 nelayan Melaka Selatan termasuk yang berdaftar merayu kerajaan Melaka campur tangan dalam isu tambakan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam.

Ia susulan tiada situasi menang-menang dicapai selepas pertemuan antara wakil nelayan bersama wakil pengurusan Tanjung Bruas dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB) di Pejabat Tanjung Bruas pada Isnin.

Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar berkata, pihaknya terkejut apabila projek tambak laut lima fasa itu bukan membabitkan 600 meter, tetapi 750 meter.

Menurutnya, pertemuan dua mata antara pihak berkenaan didakwa tidak memberi jaminan nasib nelayan yang terjejas akan terbela seperti pemberian pampasan yang setimpal.

"Nelayan tidak menolak pembangunan, tetapi jangan pinggir atau nafi hak mereka.

"Mereka cuma beritahu akan berunding dengan kerajaan negeri dan kita berharap ada kaedah untuk membantu," katanya selepas sesi taklimat itu pada Isnin.

Hadir sama, Pengurus Besar Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Mohamad Nizam Ibrahim, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Ir Khairul Izuan Harun dan Pegawai Lembaga Pelabuhan Melaka, Kamal Ariffin Idris.

Pada Sabtu, lebih 300 nelayan di perairan Tanjung Kling gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek penambakan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek pembinaan jeti pelabuhan sepanjang 600 meter bermula Tanjung Bruas itu telah menyukarkan nelayan ke laut hinggakan ada antara nelayan terpaksa menangkap ikan sehingga hampir ke Pulau Besar.

Mengulas lanjut, Aziz berkata, beliau bersedia untuk bertemu Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali agar projek fasa seterusnya sepanjang hampir 600 meter dibatalkan.

"Setakat ini pada fasa pertama tahun 2017 telah diluluskan pemanjangan jeti 50 meter itu pun tidak dimaklumkan kepada nelayan dan saya harap permohonan mereka untuk fasa seterusnya dibatalkan jika tidak nelayan akan terus hilang punca pendapatan dan tidak dapat ke laut," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hasan berkata, beliau akan membantu mengaturkan pertemuan nelayan bersama Ketua Menteri.

"Saya harap ada kaedah yang boleh kita bantu nelayan seperti pembinaan kelong agar boleh menambah pencarian seperti membawa kaki pancing atau pelancong," katanya.



Nor Azman menujukkan pelan pemanjangan Jeti Tanjung Bruas yang membabitkan lima fasa ketika sesi taklimat itu di Pejabat Tanjung Bruas Sdn Bhd pada Isnin.



### 300 nelayan bimbang sumber rezeki terjejas

Projek tambak laut dan pembinaan jeti pelabuhan didakwa menjejaskan mereka

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Lebih 300 nelayan termasuk nelayan berdaftar di perairan Tanjung Kling di sini gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek penambakan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek di bawah Kumpulan Melaka Berhad (KMB) bagi pembin...

Aziz dan Khairulazmi menunjukkan jentera yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja cerucuh bagi pembinaan jeti pelabuhan.

Aziz

berkata, cadangan projek tersebut pernah dimaklumkan pihak berkenaan sejak tahun 2017, namun dalam tempoh itu tiada sebarang sesi dialog atau perbincangan yang diadakan dengan golongan nelayan sebelum projek itu dimulakan baru-baru ini.

Menurutnya, mereka bukan menghalang sebarang ...

bangunan itu tidak mengganggu kawasan nelayan menangkap ikan," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Hailam di sini pada Jumaat.

Tambahnya, beliau juga telah membuat laporan polis berhubung perkara itu dan berharap kerajaan negeri campur tangan dalam hal ini agar nasib nelayan terjaga.

Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.